

# PM tinjau tiga institusi perubatan terkemuka Cuba

Um- 14/9/2006

Daripada OTHMAN MOHAMAD

**HAVANA** 13 Sept. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru tiba dari Helsinki akan mengambil peluang meninjau tiga institusi perubatan terkemuka Cuba esok, sebelum mengambil bahagian pada dua sidang kemuncak - Kumpulan 15 (G-15) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang juga bermula esok.

Selaras dengan penekanan Malaysia dalam bidang kesihatan dan perubatan, lawatan Abdullah dan rombongan ke tiga institusi berkenaan di sini dilihat akan dapat meningkatkan pengetahuan mengenai pengalaman dan teknologi Cuba dalam bidang itu.

Tiga institusi tersebut ialah Latin American School of Medicine (ELAM), Hospital Pando Ferrer Ophthalmological dan Hospital Frank Pais.

Hospital Pando Ferrer terkenal dengan teknologi dan kepakaran pembedahan mata manakala Hospital Frank Pais dalam bidang ortopedik.

ELAM menawarkan latihan perubatan secara percuma kepada para pelajar miskin dari 24 negara yang kebanyakannya dari Amerika Latin.

Hospital Pando Ferrer pula, selaras dengan kecanggihannya, turut menyediakan program khusus pembedahan yang memberi manfaat langsung kepada para pesakit daripada keluarga miskin, juga dari negara-negara di Amerika Latin.

Selain memberikan khidmat kepada para pesakit terbabit secara percuma, pihak hospital juga menghantar pakar-pakarnya untuk berkhidmat di beberapa negara rantau itu seperti Bolivia dan Venezuela.

Bagi Hospital Frank Pais, selain pakar dalam pembedahan ortopedik termasuk teknologi pemulihan tulang, ia juga masyhur dengan pembedahan ketumbuhan tulang belakang.

Penekanan Cuba dalam bantuan bidang kesihatan dan perubatan kepada negara-negara di Amerika Latin bermula pada tahun 1998 lagi apabila ia mula menghantar bantuan perubatan dan pakar kepada negara-negara di rantau itu yang terjejas teruk akibat dilanda Taufan Mitch.

Ekoran itu, pentadbiran Cuba membuat keputusan untuk melatih tenaga muda daripada keluarga miskin dari negara-negara terlibat dalam bidang kedokteran.

Perdana Menteri tiba dari Helsinki petang semalam (awal hari ini waktu Malaysia), selepas menghadiri sidang kemuncak Asia-Eropah.

Ketibaannya di Lapangan Perbang Anta-

Selaras dengan penekanan Malaysia dalam bidang kesihatan dan perubatan, lawatan Abdullah dan rombongan ke tiga institusi berkenaan di sini dilihat akan dapat meningkatkan pengetahuan mengenai pengalaman dan teknologi Cuba dalam bidang itu

rabangsa Jose Marti di sini disambut oleh Menteri Kewangan Cuba, Gorgina Pareiro.

Turut berada di lapangan terbang ialah Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, Duta Tugas-Tugas Khas NAM, Tan Sri Hasmy Agam dan Duta Besar Malaysia ke Cuba, Zainol Abidin Omar.

Beliau diberikan sambutan permaidani merah dan kawalan kehormat oleh pasukan Revolutionary Armed Forces Cuba.

Semasa di sini, delegasi beliau akan turut disertai oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk

Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Sementara itu, semasa menghadiri sidang kemuncak NAM ke-14 ini, beliau dijadual menyerahkan kerusi pengerusi NAM kepada Cuba, setelah menyandanginya selama tiga tahun tujuh bulan.

Pada pertemuan kali ini juga, Malaysia dijadual mendapatkan perakuan bagi dua inisiatif yang diusahakannya sebelum ini iaitu pembentukan Institusi Memperkasa Wanita NAM (NIEW) dan Rangkaian Berita NAM (NNN).

Abdullah akan turut mengambil bahagi-

an dalam sidang kemuncak G-15 yang sudah sekian lama tidak bersidang, setelah negara pengerusi, Algeria, gagal menganjurkan pertemuan para pemimpin dari negara-negara anggota pertubuhan tersebut yang kini melibatkan 18 negara.

Setelah selesai sidang kemuncak G-15 dan NAM di sini, Perdana Menteri tidak akan terus pulang ke tanah air kerana beliau dijadual menghadiri perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.